

# UNISSA anjur program dekati masyarakat



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (lima, kanan) bersama Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISSA dengan Persatuan Mahasiswa Syariah dan Undang-Undang (ShaLawSoc), UNISSA bergambar ramai pada program Ramadan Food Drive.

Berita dan Foto : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 19 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini meneruskan usaha untuk mendekati masyarakat melalui program Ramadan Food Drive dan Safari Ramadhan anjuran Persatuan Pelajar UNISSA.

Ramadan Food Drive yang berlangsung pada 12 hingga 13 Mei lepas merupakan usahamasa Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISSA dengan Persatuan Mahasiswa Syariah dan Undang-Undang (ShaLawSoc), UNISSA.

Projek tersebut berjaya mengumpulkan sumbangan bantuan berbentuk kewangan dan barang keperluan asasi bagi 20 keluarga kurang berkemampuan di sekitar Daerah Brunei dan Muara.

Sumbangan tersebut diharapkan

sedikit sebanyak dapat membantu keluarga-keluarga berkenaan dalam menyediakan keperluan keluarga di bulan Ramadhan agar mereka dapat menjalankan ibadah puasa dengan selesa dan sempurna.

Turut hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan, Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal berserta Pegawai-pegawai Eksekutif UNISSA serta pegawai-pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar UNISSA.

Manakala 'Safari Ramadhan' yang diterajui oleh Unit Keugamaan dan Kerohanian, MPP UNISSA bertujuan untuk memanfaatkan bulan Ramadhan dalam menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan kerobajikan, di samping mengeratkan ukhuwah di antara pelajar dan masyarakat, serta turut menyumbang kepada pembangunan sahsiah mahasiswa di luar kuliah.

Siri pertama bagi program itu diadakan pada 14 Mei 2018 di Masjid Kampung Bukit, Daerah Tutong yang disertai oleh 15 pelajar dan dihadiri oleh warga Kampung Bukit.

Diantara pengisian program ialah Sembahyang Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Tazkirah yang disampaikan oleh Imam Masjid Kampung Bukit, Awang Haji Muhd. Azli bin Aliuddin dan seterusnya sesi perkongsian dan perbincangan secara berkumpulan mengenai bulan Ramadhan di antara pelajar dan jemaah yang hadir.

Di samping berbincang mengenai persoalan-persoalan yang timbul mengenai ibadah berpuasa, pelajar juga berpeluang untuk mendengar perkongsian dari jemaah masjid yang hadir yang ada di antaranya mualaf yang akan menjalani ibadah puasa buat pertama kali pada tahun ini.

Program akan diteruskan lagi semasa bulan Ramadhan di lokasi yang lain dengan pengisian yang berbeza.



REKTOR UNISSA Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah sebuah keluarga yang kurang berkemampuan.

## Pengawasan Kejiranian giat lindungi kesejahteraan masyarakat

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 19 Mei. - Aktiviti Pengawasan Kejiranian terus giat diadakan bagi melindungi keselamatan dan kesejahteraan masyarakat awam juga membentuk hubungan silaturahim yang akrab.

Balai Polis Labi mengadakan program aktiviti rondaan pencegahan jenayah bersama Ahli Pengawasan Kejiranian Kampung Merangking.

Mengetuai rondaan tersebut, Penolong Pegawai Mengusa Balai Polis Labi, Sarjan Mejar Gudin bersama anggota dari Balai Polis Labi. Turut serta Ketua Kampung Merangking, Awang Raimey bin Abdullah.

Rondaan pencegahan jenayah itu dijalankan di sekitar kawasan Kampung Merangking dan sekitarnya termasuk kawasan bangunan-bangunan kerajaan serta rumah-rumah penduduk kampung.

Hasil daripada rondaan tersebut, tidak ada menjumpai sebarang perkara yang tidak bermoral maupun jenayah dengan sebaiknya.

mencurigakan.

Manakala Balai Polis Muara telah mengadakan program pendekatan pengawasan kejiranian bersama Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri 1, Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Haji Damit.

Hadir mengutui rombongan, Sarjan Mejar 2450 Pengiran Zahari bersama empat orang anggota Balai Polis Muara.

Pendekatan pada pagi itu membincangkan mengenai susunan program aktiviti pengawasan kejiranian bulanan dan perancangan aktiviti semasa Bulan Ramadhan ini.

Hubungan semasa jiran adalah penting dalam melahirkan masyarakat sejahtera. Dengan hubungan silaturahim yang akrab dalam kalangan jiran dan masyarakat setempat, dapat membentuk perpaduan dalam bersama-sama membendung serta mencegah kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral maupun jenayah dengan sebaiknya.



## LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
- Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
- Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
- Gambar terpilih akan memenangi wang suguhan BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang:

- 'Sukan dan Radah' - Tarikh Tutup : 28 Mei 2018
  - 'Hijau' - Tarikh Tutup : 9 Jun 2018
  - 'Gemira' - Tarikh Tutup : 23 Jun 2018
- Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.

